

Headline	Stesen jana kuasa TNB diiktiraf global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	44
ArticleSize	257 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 25,530		



Stesen Jimah East Power.

Stesen jana kuasa TNB diiktiraf global

Stesen jana kuasa milik Tenaga Nasional Bhd (TNB), Jimah East Power (JEP) menerima pengiktirafan antarabangsa dalam ASEAN Energy Awards 2021 anjuran ASEAN Centre of Energy di Brunei.

JEP memenangi tempat pertama kategori *Clean Coal Technology Utilisation for Large Power Generation* sempena ASEAN Energy Business Forum dan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN Ke-39.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti, berkata anugerah itu menandakan amalan terbaik penggunaan arang batu lebih bersih dan lestari dalam usaha peralihan ke arah pembangunan dengan pelepasan karbon mampan serta rendah.

Beliau berkata, JEP berjaya mengatasi saingan daripada PT Indonesia Power PLTU Jateng 2 Adipala Omu, Indonesia yang memenangi tempat kedua manakala Mae Moh Power Plant, Thailand di tempat ketiga.

Anugerah itu, adalah manifestasi sokongan kerajaan dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan menghindari risiko ekonomi jangka panjang.

"TNB akan mempelbagaikan pembakaran di JEP menggunakan kaedah lain daripada arang batu untuk mengurangkan paras pencemaran dalam usaha

menyokong Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), yang juga sebahagian inisiatif JEP dan TNB Genco.

"Ia selaras aspirasi sifar bersih TNB menjelang 2050 dipacu menerusi komitmen mengurangkan intensiti pelepasan 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," katanya dalam kenyataan.

Nor Azman berkata, ASEAN

Energy Award adalah majlis anugerah tertinggi di Asia Tenggara yang mendorong dan mengiktiraf penyertaan semua pihak dalam pembangunan tenaga di rantau ASEAN.

Beliau berkata, ia merangkumi tiga kategori iaitu Anugerah Arang Batu ASEAN, Anugerah Ama-

lan Terbaik Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga ASEAN serta Anugerah Projek Tenaga Boleh Baharu ASEAN.

JEP, katanya mempunyai dua loji jana kuasa arang batu *Ultra-supercritical* (USC) yang mempunyai kapasiti penjanaan 2,000MW di Port Dickson adalah loji jana kuasa arang batu TNB ketiga dan keempat yang menggunakan teknologi itu.

"Selain JEP, dua loji penjanaan USC lain milik TNB iaitu Manjung 4 dan Manjung 5 di Lumut antara loji arang batu USC pertama di rantau ASEAN," katanya.



Nor Azman Mufti